



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

13 Februari 2018

1. Rabies di Sarawak makin serius; Utusan Malaysia
2. Babi hutan singgah pasaraya; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Dalam Negeri	M/SURAT: <input type="text" value="4"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
13 Februari 2018			

4 DALAM NEGERI

Rabies di Sarawak makin serius

SERIAN 12 Feb. - Wabak jangkitan rabies di Sarawak semakin membimbangkan apabila terdapat tujuh kes termasuk enam kematian direkodkan setakat ini, manakala 50 hingga 60 peratus anjing di kawasan terjejas disahkan sebagai pembawa virus penyakit berbahaya itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, jumlah kes positif rabies termasuk enam mangsa yang maut, di samping peratusan tinggi haiwan khususnya anjing yang dijangkiti adalah membimbangkan.

Sehubungan itu, katanya, semua komuniti masyarakat di negeri ini diminta memastikan anjing peliharaan dan terbiar diberikan vaksin anti-rabies bagi mencegah penularan wabak penyakit tersebut.

"Berdasarkan kajian, didapati 50 hingga 60 peratus anjing yang berada di kawasan wabak membawa virus rabies yang perlu ditangani bagi mengelakkan jangkitan kes baharu.

"Paling selamat, kita andalkan semua anjing adalah pembawa virus rabies dan perlu divaksin. Hanya polisi itu yang dapat melindungi manusia.

"Saya tidak fikir ujian darah terhadap semua haiwan diperlukan, sebaliknya lebih praktikal untuk membuat andaian bahawa haiwan itu (anjing) ada virus rabies dan perlu divaksin kerana kos pencegahan diambil ini lebih efektif dan selamat," katanya.

Bellau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat rumah kes keenam mangsa rabies yang hidup di Kampung Bayur di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Senator Profesor Datuk Dr. Sim Kui Hian dan Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Jamilah Hashim.

Mengulas lanjut, Subramaniam berkata, usaha memerangi rabies perlu dipertingkatkan untuk melindungi manusia agar tidak menjadi mangsa.

Katanya, langkah tersebut adalah mustahak dan beliau berharap masyarakat memberi sokongan terhadap usaha diambil kerajaan itu kerana apabila dijangkiti, penyakit terbit tidak boleh dipulihkan.

"Sebanyak 50 peratus anjing yang menggigit mangsa mempunyai peluang membawa virus rabies," katanya.

Dalam pada itu, Subramaniam menyambut baik usaha dilakukan kerajaan negeri bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Jabatan Veterinar untuk memberikan vaksin anti-rabies kepada semua haiwan khususnya anjing di negeri ini.

Mengulas mengenai mangsa keenam rabies yang selamat, beliau berkata, kanak-kanak lelaki berusia lapan tahun itu kini mengalami kecacatan otak dan terlantar bergantung kepada mesin bantuan alat pernafasan.

Katanya, kes mangsa yang



SUPRIYANTO MUARIP mencium tangan anaknya berusia lapan tahun yang menjadi mangsa gigitan anjing rabies di rumah mereka di Kampung Bayur, Balai Ringin, Serian, Sarawak, semalam. - BERNAMA

Kebanyakan kes jangkitan rabies berakhir dengan maut disebabkan tiada rawatan spesifik boleh diberikan kepada mangsa, cuma pencegahan sahaja. Sekalipun jika terselamat, akhirnya akan menjadi seperti keadaan dialami mangsa sekarang."

S. SUBRAMANIAM
Menteri Kesihatan

hidup memang jarang berlaku kerana kurang 20 pesakit rabies di dunia terselamat selepas dijangkiti virus berkenaan.

"Kebanyakan kes jangkitan rabies berakhir dengan maut disebabkan tiada rawatan spesifik boleh diberikan kepada mangsa, cuma pencegahan sahaja. Sekalipun jika terselamat, akhirnya akan menjadi seperti keadaan dialami mangsa sekarang," jelasnya.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="3"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
13 Februari 2018			

